

Teristimewa:

Ayahanda dan bonda  
tersayang.

Isteri tercinta.

Adik-adik yang masih  
bersekolah dan  
anak yang bakal lahir.



Perhargaan.

Sayamengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat membantu saya menyiapkan kajian ringkas saya ini. Terlebih dahulu kepada Dr. Cheah Boon Kheng yang telah membenarkan saya membuat kajian mengenai tajuk ini, rakan saya, Jaafar Sidek bin Abdul Rahman (M.A of Philosophy U.M ) yang turut membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya untuk membuat kajian ini dan saudara Aznor bin Abdul Hamid yang sering menemani saya membuat temuramah dan kajian di Kampung Cangkat Banjar. Ribuan terima kasih juga kepada:

1. Majlis Daerah Perak Tengah, Parit, Perak.
2. Arkib Negeri Perak.
3. Penghulu Kampung Cangkat Banjar dan kesemua penduduk.
4. Pustakawan Sekolah Menengah Iskandar Shah, Parit, Perak.
5. Lain-lain pihak yang telah membantu secara langsung atau secara tidak langsung.

Semoga kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak diberkati Allah....Amin.

Hasanal Akram bin Ibrahim  
(Kem. Dgn. Pendidikan)  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
1988

Pendahuluan.

Bagi memenuhi keperluan kursus ini iaitu HSM 412/4 saya membuat penyelidikan/kajian mengenai sebuah perkampungan baru iaitu yang dibuka pada tahun 1930-an. Kampung ini bernama Kampung Cangkat Banjar yang terletak kira-kira 15 batu (24 km) dari kampung penulis. Untuk membuat kajian mengenai kampung ini saya membahagikannya kepada beberapa bab iaitu pengenalan kampung, orang banjar secara umum, sebab-sebab kedatangan orang banjar ke Tanah Melayu, proses pembukaan kampung Cangkat Banjar dan perkembangan kampung Cangkat Banjar hingga 1940-an.

Mudah-mudahan apa yang saya kaji dan saya tuliskan ini sedikit-sebanyak memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya kepada pengkaji-pengkaji sejarah dan umumnya kepada semua pembaca.

Hasanal Akram bin Ibrahim  
(Kem. Dgn. Pendidikan)  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
18.9.1988.

Bab 1Pengenalan Kawasan.

Kawasan kampung Cangkat Banjar yang dikaji oleh penulis terletak di Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan. Perak Tengah adalah gabungan dua buah daerah kecil iaitu Daerah Kecil Parit dan Daerah Kecil Kampung Gajah dengan keluasan masing-masing 216 batu persegi dan 279 batu persegi<sup>1</sup>.

Kedudukan kampung tersebut dengan lebih tepat ialah di dalam mukim Belanja, iaitu salah sebuah daripada empat buah mukim yang berada di bawah pentadbiran Daerah Kecil Parit. Kampung Cangkat Banjar itu adalah sebuah daripada dua puluh buah kampung yang berada di dalam Mukim Belanja tersebut. Jumlah penduduk terakhir Kampung Cangkat Banjar ialah 489 orang pada tahun 1980 dari sejumlah 20,198 orang penduduk yang berada di Mukim Belanja itu mengikut banci penduduk dan perumahan Malaysia.<sup>2</sup>

Kawasan yang dikenali sebagai Kampung Cangkat Banjar itu bukanlah namanya yang asal. Nama asal bagi Kampung Cangkat Banjar ialah Cangkat Pak Sulong Karim.<sup>3</sup> Tetapi kini ianya adalah gabungan di antara kawasan Cangkat Pak sulong Karim, Kampung Cangkat Padang dan Kampung Tanah Lesen yang dikenali sebagai Kampung Cangkat Banjar itu.<sup>4</sup> Tidak ramai penduduk tempatan yang tinggal di kawasan kampung berhampiran yang mengetahui nama sebenar kampung tersebut.

- 
1. Pembangunan Daerah Perak Tengah, Buku Laporan sempena lawatan Y.A.B. Dato' Musa Hitam ke Daerah Perak Tengah pada 11 Mac 1983, diterbitkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah, Perak Tengah, Parit, 1983, hlm. 2
  2. Ibid., hlm. 2-3
  3. Temuramah dengan Hj. Shadidul Bahari bin Pandak Yahya di Kampung Belanja Kiri, pada 21/8/88. Penulis sendiri melihat geran tanah milik beliau dan melihat nama asal kawasan tersebut seperti yang tercatat dalam geran itu.
  4. Temuduga dengan orang yang sama.

Nama Kampung Cangkat Banjar itu hanya digunakan dalam tahun-tahun 1950-an Oleh penduduk di sekitar kerana penghuni majoriti atau dominan di situ adalah keturunan orang Banjar.<sup>5</sup>

Umumnya walaupun kampung ini boleh dikatakan masih baru tetapi kedudukannya sekarang bolehlah dikatakan telah "established" seperti kampung-kampung disekitarnya. Ia telah mula mendapat kemudahan-kemudahan dalam tahun-tahun 1970-an. Semoga ianya akan terus berkembang dengan lebih pesat lagi.

---

5. Temuramah dengan Japri bin Kolok, pada 21.8.88 dan Jahari bin Ahmad, pada 22.8.88. Kedua-dua temuramah dilakukan di rumah mereka di Kampung Cangkat Banjar tersebut.